

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' SRI HASAN BIN MALEK

SOALAN : NO. 118

Dato' Haji Ahmad Nazlan Bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan keberkesanan sukan-sukan di Universiti Awam seperti SUKIPT dan SIPMA dalam menyediakan pelapis atlet negara memandangkan atlet-atlet sedia ada kini tidak ramai hasil keluaran Universiti Awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Dasar Pembangunan Sukan Institusi Pendidikan Tinggi (DSIPT) yang telah diwujudkan pada tahun 2009 telah melaksanakan pelbagai program bagi membantu pembangunan sukan atlet-atlet di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) supaya mencapai prestasi tertinggi dalam sukan yang diceburi sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sukan Institut Pengajian Tinggi (SUKIPT) dan Sukan Institusi Pendidikan Malaysia (SIPMA) merupakan salah satu inisiatif KPT untuk meningkatkan prestasi atlet di IPT secara keseluruhannya malah turut melibatkan persaingan tahap tinggi kerana penyertaannya yang bersifat terbuka.

SUKIPT amat membantu melonjakkan prestasi atlet ke tahap yang lebih tinggi kerana ia nya melibatkan penyertaan atlet IPT di seluruh Malaysia

termasuklah atlet bertaraf kebangsaan dan juga kontinjen jemputan dari negara-negara di Asia Tenggara dan Asia Pasifik. SUKIPT akan menghimpun keseluruhan atlet yang dilahirkan di IPT termasuklah di bawah program Pusat Kecemerlangan Sukan (PKS) dan Pusat Sukan Tumpuan (PST) dan menjadi salah satu penanda aras untuk mereka layak bertanding ke peringkat yang lebih tinggi termasuklah di Sukan Universiti ASEAN (AUG), Sukan Universiti Dunia (Universiade), Sukan SEA, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Sukan Olimpik.

Dalam statistik terkini, seramai 61 orang atlet IPT akan membawa cabaran negara ke Sukan Universiti Dunia di Taiwan pada 19 hingga 30 Ogos 2017 dan dalam masa yang sama, seramai 264 atau 30.2% atlet IPT daripada keseluruhan 874 atlet negara akan terlibat membantu misi kontinjen Malaysia untuk menjuarai Sukan SEA 2017 di Kuala Lumpur. Seramai 129 daripada 264 atlet IPT ini juga merupakan pemegang Biasiswa Sukan KPT. Selain itu, seramai 13 orang atlet IPT atau 40.6% daripada 32 orang atlet negara ke Sukan Olimpik di Rio pada tahun 2016 dan 2 orang darinya iaitu saudari Pandelega Rinong dan Cheong Jun Hoong telah menyumbang pingat Perak untuk kontinjen negara.

Secara kesimpulannya, SUKIPT dan SIPMA adalah salah satu dari pelbagai program pembangunan dan penganjuran sukan yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dalam usaha untuk melahirkan lebih ramai atlet IPT yang mampu membawa nama IPT, KPT dan negara ke satu tahap tertinggi dalam arena sukan.